



PEKELILING AKADEMIK BIL. 11/2020

Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI AKADEMIK 2019-2020

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Pekeliling Naib Canselor Bil. 2/2020 Ruj: UKM.PNC.100-1/3/1 bertarikh 27 Mac 2020, Pekeliling Akademik Bil. 9/2020 Ruj: UKM.AKA.100-1/3/5 bertarikh 17 Mac 2020 serta surat Pengarah PJK Ruj: UKM.JKL100-8/6/14 kepada semua Fakulti/Institut/Pusat bertarikh 30 Mac 2020.

2. Adalah dimaklumkan bahawa dengan merujuk kepada Pekeliling Naib Canselor tersebut, kursus-kursus Semester II Sesi Akademik 2019-2020 yang menggunakan peperiksaan akhir sebagai satu komponen pentaksiran, kursus tersebut **DIWAJIBKAN** dijalankan secara buka buku (*open book*). Bagi kursus-kursus yang telah diubah kepada penilaian berterusan sebagai satu daripada komponen pentaksiran, Fakulti/Institut/Pusat adalah digalakkan untuk mengekalkan perubahan tersebut.

3. Sehubungan itu, kaedah pelaksanaan peperiksaan akhir secara buka buku boleh dilaksanakan seperti ketetapan berikut:

3.1. Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian

3.1.1. Proses pentaksiran soalan secara atas talian perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Soalan peperiksaan perlu ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir/Moderasi Soalan peringkat Fakulti/Institut/Pusat selaras dengan Arahan Kerja Penyediaan Soalan Peperiksaan (UKM/PJK/PPPS/P05/AK03).

3.1.2. Kaedah pelaksanaan dan kaedah penilaian hendaklah diuruskan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat.

3.2. Bawa Pulang (*Take Home Examination*)

3.2.1. Fakulti/Institut/Pusat perlu menetapkan aras kesukaran soalan yang bersesuaian dengan mengambil kira pelajar mempunyai akses rujukan pelbagai



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

dan tidak terbatas. Soalan peperiksaan perlu ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir/Moderasi Soalan peringkat Fakulti/Institut/Pusat selaras dengan Arahan Kerja Penyediaan Soalan Peperiksaan (UKM/PJK/PPPS/P05/AK03).

- 3.2.2. Amalan tidak beretika oleh pelajar dengan melakukan plagiat daripada sumber rujukan dan skrip jawapan rakan adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Pensyarah boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat laporan kepada Universiti sekiranya mendapati pelajar berbuat demikian. Sehubungan itu, pensyarah diminta mendapatkan perakuan daripada pelajar semasa pelajar menghantar skrip jawapan dengan menyatakan bahawa jawapan yang dikemukakan adalah hasil kerja sendiri dan bukannya melakukan plagiat daripada rakan atau sumber yang lain.
- 3.2.3. Tempoh masa dan kaedah penghantaran skrip jawapan oleh pelajar perlu ditetapkan oleh Fakulti/Institut/Pusat. Pensyarah digalakkan menggunakan platform **UKMFolio™**.

3.3. **Buka Buku (Open Book) Secara Bersemuka**

- 3.3.1. Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat berhasrat menjalankan peperiksaan buka buku secara bersemuka, peperiksaan tersebut hendaklah dilakukan secara **pecahan kumpulan kecil** untuk setiap kursus dan susunan tempat duduk peperiksaan adalah mengambil kira saranan penjarakkan sosial (*social distancing*) yang disarankan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (sekurang-kurangnya radius 1 meter).
- 3.3.2. Aras kesukaran soalan hendaklah bersesuaian dengan akses rujukan yang dimiliki pelajar. Pelajar dibenarkan membawa buku rujukan, bahan kuliah atau bahan rujukan lain yang dibenarkan oleh pensyarah. Bahan rujukan yang dibawa mestilah dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*). Pelajar tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit semasa dalam peperiksaan buka buku secara bersemuka. Pelajar yang gagal mematuhi arahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 3.3.3. Soalan peperiksaan perlu ditaksir oleh Jawatankuasa Penaksir/Moderasi Soalan peringkat Fakulti/Institut/Pusat selaras dengan Arahan Kerja Penyediaan Soalan Peperiksaan (UKM/PJK/PPPS/P05/AK03).
- 3.3.4. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN** berbincang dan soalan perlu dijawab secara berseorangan. Pensyarah boleh mengambil tindakan sewajarnya dengan membuat laporan kepada Universiti sekiranya mendapati pelajar melakukan kesalahan tatatertib dalam bilik peperiksaan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

3.3.5. Setiap arahan hendaklah dinyatakan dengan jelas di bahagian muka hadapan kertas soalan merangkumi jenis-jenis bahan rujukan yang dibenarkan untuk dibawa oleh pelajar.

3.3.6. Fakulti/Institut/Pusat perlu memastikan pelajar-pelajar tidak berkumpul sebelum atau selepas peperiksaan dijalankan bagi mencegah penularan wabak.

4. Peperiksaan secara Buka Buku ini perlu dilakukan dalam tempoh Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020 iaitu bermula pada 29 Jun 2020 sehingga 17 Julai 2020. Kesemua peperiksaan akhir bagi Semester II Sesi Akademik 2019-2020 adalah di bawah kendalian Fakulti/Institut/Pusat. Tiada Peperiksaan Berjadual Akademik akan dijalankan pada semester ini. Selaras dengan itu, tarikh pengesahan maklumat keperluan peperiksaan bagi Semester II Sesi Akademik 2019-2020 adalah dilanjutkan **sehingga 14 April 2020**.

Segala kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Sama-sama kita berdoa agar penularan wabak ini segera pulih seperti sedia kala.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

b.p. Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.:
- Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
 - Pengarah
Pusat Kembangan Pendidikan
 - Pengarah
Pusat Siswazah
 - Pengarah
Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum (Pengajaran UKM)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 E-mel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my